

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Isnin, 15 September 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI PRESTASI PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA PADA SUKU TAHUN KEDUA 2023 DAN TAHUNAN 2022 MENGIKUT NEGERI

Pelancongan domestik melonjak 20.0 peratus pada suku tahun kedua 2023 dengan merekodkan 54.5 juta pelawat domestik

PUTRAJAYA, 15 September, 2023 – Pelancongan domestik di Malaysia mengalami lonjakan yang ketara, dengan merekodkan 54.5 juta pelawat domestik bagi suku kedua 2023, meningkat 20.0 peratus berbanding suku tahun yang sama pada tahun sebelumnya. Sementara itu, bagi perbandingan suku tahun, pelawat domestik meningkat 12.2 peratus berbanding suku pertama 2023. Perbelanjaan pelancongan domestik bagi suku kedua 2023 merekodkan RM21.9 bilion, meningkat 23.9 peratus tahun ke tahun, dan perbandingan suku tahun meningkat 13.9 peratus. Bagi tahun 2022, jumlah perbelanjaan pelancongan merekodkan RM64.1 bilion. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam **SURVEI PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA (DTS) 2022 MENGIKUT NEGERI** yang diterbitkan pada hari ini. Laporan itu juga membentangkan statistik suku tahunan 2023 berkaitan ketibaan pelawat dan perbelanjaan pelancongan domestik oleh pelancong serta pelawat harian.

Dalam satu kenyataan hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata "Secara keseluruhannya, prestasi pelancongan domestik Malaysia

pada tahun 2022 mencatatkan pertumbuhan yang positif. Ketibaan pelawat domestik merekodkan 171.6 juta pelawat berbanding 66.0 juta pelawat pada tahun sebelumnya, meningkat 160.1 peratus. Terimaan pelancongan domestik meningkat 248.1 peratus merekodkan RM64.1 bilion (2021: RM18.4 bilion), pertumbuhan positif selepas penularan pandemik COVID-19. Jika dibandingkan dengan tahun 2019 (sebelum pandemik COVID-19), jumlah pelawat domestik menurun sebanyak 28.2 peratus. Perbelanjaan juga turut susut 37.9 peratus berbanding tahun 2019”.

Selari dengan prestasi pelancongan domestik Malaysia, semua negeri merekodkan peningkatan dari segi volum dan jumlah terimaan selepas pandemik COVID-19. Pada tahun 2022, Selangor merekodkan terimaan pelancong domestik tertinggi dengan RM8.73 bilion, meningkat 176.5 peratus berbanding 2021 (RM3.16 bilion). Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang menerima RM7.73 bilion (2021: RM3.08 bilion), Sarawak (2022: RM5.43 bilion; 2021: RM1.94 bilion) dan Pahang (2022: RM5.32 bilion; 2021: RM0.91 bilion).

Membeli-belah merupakan komponen terbesar daripada jumlah terimaan (RM24.94 bilion) bagi semua negeri, di mana Selangor mendominasi dengan RM3.85 bilion, diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (RM3.71 bilion) dan Sarawak (RM2.33 bilion). Komponen kedua tertinggi ialah makanan & minuman (bagi sepuluh negeri), diikuti pembelian bahan api kenderaan (bagi lima negeri) dan pengangkutan (bagi Wilayah Persekutuan Labuan).

Penerangan lanjut berkaitan tujuan utama perjalanan bermalam domestik, melawat saudara & rakan-rakan adalah tujuan utama perjalanan bermalam domestik untuk semua negeri kecuali Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Labuan. Percutian/ riadah/ rehat adalah tujuan utama pelancong domestik melancong untuk kedua-dua negeri tersebut. Sementara itu, purata bilangan hari menginap (ALOS) adalah 2.55 malam, meningkat 16.6 peratus berbanding 2.19 malam pada 2021. Negeri yang mencatatkan ALOS melebihi peringkat nasional ialah Wilayah Persekutuan Labuan (3.67 malam), Sarawak (3.52 malam), Kelantan (3.16 malam), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (3.09 malam),

Sabah (3.06 malam), Terengganu (2.69 malam), W.P Putrajaya (2.68 malam), dan Pulau Pinang pada 2.59 malam.


Berdasarkan profil sosial & demografi pelawat domestik, sembilan negeri iaitu Johor, Melaka, Pahang, Pulau Pinang, Perlis, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya menerima majoriti pelawat domestik berpendapatan antara RM5,001 hingga RM10,000 sebulan. Sementara itu, baki lima negeri iaitu Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak mencatatkan peratusan tertinggi pelawat domestik daripada isi rumah berpendapatan RM1,001 hingga RM3,000 sebulan dan Pulau Pinang (RM3,001 hingga RM5,000).

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Carta 1: Bilangan Pelawat Domestik Mengikut Negeri, 2018 – 2022



Carta 2: Terimaan Pelancongan Domestik Mengikut Negeri, 2018 – 2022



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

15 SEPTEMBER 2023

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, September 15, 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR PERFORMANCE OF DOMESTIC TOURISM MALAYSIA
IN SECOND QUARTER 2023 AND ANNUAL 2022 BY STATE

Domestic tourism jumped 20.0 per cent in the second quarter of 2023 by recording 54.5 million domestic visitors

PUTRAJAYA, SEPTEMBER 15, 2023 – Domestic tourism in Malaysia experienced a significant surge to record 54.5 million visitors for the second quarter 2023, increased 20.0 per cent as compared to the same quarter of previous year. Meanwhile, for quarter-on-quarter comparison, domestic visitors increased 12.2 per cent as compared to first quarter of 2023. Domestic tourism expenditure for the second quarter of 2023 recorded RM21.9 billion, increased 23.9 per cent year-on-year, and rose 13.9 per cent for quarterly comparison. For 2022, total tourism expenditure recorded RM64.1 billion. This is reported by Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of ***MALAYSIA'S DOMESTIC TOURISM SURVEY (DTS) 2022 BY STATE***. The report also present 2023 quarterly statistics on visitor arrivals and domestic tourism expenditure by tourist as well as excursionist.

In a statement today, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "Overall, Malaysia's domestic tourism performance in 2022 continued to record

positive growth. Domestic visitor arrivals recorded 171.6 million visitors compared to 66.0 million visitors in the previous year, increased 160.1 per cent. Domestic tourism receipts increased 248.1 per cent to record RM64.1 billion (2021: RM18.4 billion), positive growth after spread of the COVID-19 pandemic. When compared to 2019 (pre-pandemic COVID-19), the total domestic arrivals decreased by 28.2 per cent. Similarly, the spending down 37.9 per cent as compared to 2019.”

In line with Malaysia’s domestic tourism performance, all states also recorded positive growth in term of volume and total receipts after the pandemic of COVID-19. In 2022, Selangor recorded the highest domestic tourism receipts with RM8.73 billion, increased 176.5 per cent compared to 2021 (RM3.16 billion). This was followed by Federal Territory of Kuala Lumpur which received RM7.73 billion (2021: RM3.08 billion), Sarawak (2022: RM5.43 billion; 2021:RM1.94 billion) and Pahang (2022: RM5.32 billion; 2021: RM0.91 billion).

Shopping was the largest component of the total receipts (RM24.94 billion) for all states, where Selangor dominated with RM3.85 billion, followed by Federal Territory of Kuala Lumpur (RM3.71 billion) and Sarawak (RM2.33 billion). The second highest component was food & beverage (for ten states) followed by automotive fuel (for five states), and transportation (for Federal Territory of Labuan).

Elaborating further on the main purpose of domestic overnight trips, visiting relatives & friends was the main purpose of domestic overnight trips for all states except Pulau Pinang and Federal Territory of Labuan. Holiday/leisure/relaxation was the top purpose of domestic tourists traveling for those two states. Meanwhile, the national average length of stay (ALOS) recorded 2.55 nights, increased 16.6 percent as compared to 2.19 nights in 2021. The states that recorded ALOS exceeding the national level were Federal Territory of Labuan (3.67 nights), Sarawak (3.52 nights), Kelantan (3.16 nights), Federal Territory of Kuala Lumpur (3.09 nights), Sabah (3.06 nights), Terengganu (2.69 nights), W.P Putrajaya (2.68 nights), and Pulau Pinang at 2.59 nights.

Based on social & demographic profile of domestic visitors, majority of the domestic visitors received by nine states namely Johor, Melaka, Pahang, Pulau Pinang, Perlis, Selangor, W.P Kuala Lumpur, W.P Labuan and W.P Putrajaya earned between RM5,001 to RM10,000 per month. Meanwhile, five states namely Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Sabah and Sarawak recorded the highest percentage of domestic visitors from households earning RM1,001 to RM3,000 per month while in Pulau Pinang (RM3,001 to RM5,000) per month.

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Chart 1: Number of Domestic Visitors by State, 2018 – 2022





Chart 2: Domestic Tourism Receipt by State, 2018 – 2022



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

15 SEPTEMBER 2023